

RISALAH BERKENAAN: ISLAM DAN PERSOALAN KESAKSAMAAN GENDER



Keadilan adalah teras kepada falsafah perundangan Islam. Keadilan yang merangkumi kesaksamaan gender merupakan satu idea moden yang diterima umum dan dizahirkan dalam bentuk undang-undang pada abad ke 20.

Al-Quran membawa umat Islam daripada ketidakadilan kepada keadilan pada masa itu. Al-Quran mengiktiraf dan menaikkan darjat kemanusiaan perempuan sepenuhnya dan memberi mereka hak-hak yang penting dalam budaya patriarki di Tanah Arab pada abad ketujuh Masihi.

Namun, pada masa itu, konsep keadilan tidak merangkumi idea kesaksamaan di antara lelaki dan perempuan. Corak pemikiran ini juga tidak wujud dalam konteks sosial, ekonomi, dan sejarah umat Islam. Oleh sebab itu, kesaksamaan gender tidak dizahirkan dalam tafsiran teks suci Islam oleh para ulama fekah. Mereka telah menggunakan konteks yang hanya terjangkau dalam pemikiran mereka selama beratus tahun selepas turunnya wahyu. Ia juga tidak dizahirkan dalam undang-undang yang dibentuk daripada

tafsiran-tafsiran ini. Namun, hukum-hakam yang dibuat oleh manusia ini terus menjadi asas kepada undang-undang keluarga Islam dan peraturan sosial lelaki dan perempuan sehingga sekarang. Ada pelbagai faktor yang menyebabkan hukum fekah klasik ini tidak boleh dikekalkan pada masa kini. Antaranya adalah tafsiran al-Quran yang lebih adil telah mendorong ramai orang Islam pada masa kini untuk mempersoalkan keadilan yang wujud dalam hukum fekah klasik.

Selain daripada itu, kebangkitan negara-negara Islam pada abad ke 20 dan wujudnya undang-undang perlembagaan moden yang menjunjung hak warganegara secara saksama telah mengubah kerangka perundangan tempatan dan negara.

Di peringkat antarabangsa, prinsip kesaksamaan dan keadilan gender mempunyai kaitan dengan instrumen hak asasi manusia seperti Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Perempuan (CEDAW) yang digubal pada tahun 1970an dengan penyertaan aktif oleh negara-negara Islam. Hampir semua negara (54 negara) anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah pun bersetuju untuk melaksanakan Konvensyen ini. Satu fakta yang tidak dapat dinafikan adalah, realiti kehidupan perempuan dan lelaki telah banyak berubah. Perempuan yang dahulunya berada di ruang domestik kini telah mengambil peranan aktif di ruang awam dan turut memberi sumbangan kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara.

Walaupun konsep kesaksamaan gender tiada dalam tradisi perundangan Islam klasik dan agama lain, namun perubahan sosial masyarakat setempat, nasional dan global serta tafsiran al-Quran dan hadis yang berasaskan etika dan nilai moral membolehkan kesaksamaan gender diterapkan dalam undang-undang, dasar dan amalan hari ini.

GENDER DAN KEADILAN DALAM KONTEKS UMAT ISLAM

Dalam konteks umat Islam masa kini, terdapat dua pendekatan keadilan gender yang sering bersaing.


PENDEKATAN
'MELINDUNGI'

DUA PENDEKATAN MENUJU
KEADILAN GENDER

PENDEKATAN
'KESAKSAMAAN'

Pendekatan melindungi ini sebenarnya terbina daripada ilmu fekah klasik, iaitu ilmu dan kaedah pemahaman dan pembentukan hukum-hukum daripada teks suci Islam. Kaedah ilmu fekah ini telah digagaskan dan dikembangkan pada abad awal kelslaman. Pendokong pendekatan melindungi mengakui, sebagai orang yang beriman, kedudukan perempuan dan lelaki adalah saksama dalam hubungan dan tanggungjawab mereka kepada Tuhan pada kehidupan ini dan kehidupan akan datang. Kedudukan perempuan dan lelaki adalah saksama dari aspek kewujudan dan rohani. Walau bagaimanapun mereka tidak setara dan saksama dalam ruang sosial dan undang-undang. Mereka percaya bahawa perempuan dan lelaki mempunyai peranan yang berbeza mengikut fitrah semulajadi masing-masing. Sebahagian besar ulama fekah menyatakan bahawa lelaki mempunyai tanggungjawab untuk 'melindungi' perempuan kerana mereka memiliki kelebihan dari segi kekuatan fizikal dan kemampuan berfikir yang lebih rasional berbanding perempuan yang dianggap lemah, beremosi, dan memerlukan perlindungan daripada lelaki. Maka andaian tentang fitrah ini memberi hujah bahawa lelaki perlu menyara dan melindungi

perempuan, manakala perempuan perlu patuh kepada mereka. Justeru, pemberian hak yang saksama antara lelaki dan perempuan dianggap menafikan perbezaan dan melanggar fitrah semulajadi mereka dan bercanggah dengan prinsip keadilan.



Pihak yang menyokong pandangan kedua mengambil pendekatan 'egalitarian' (kesaksamaan) dalam melihat keadilan gender.

Walaupun mengakui adanya perbezaan biologi di antara lelaki dan perempuan, mereka berpendapat adalah perlu untuk memahami keadilan yang memartabatkan maruah dan kemanusiaan perempuan berdasarkan prinsip-prinsip al-Quran serta tauladan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad (saw). Mereka menggunakan pandangan yang lebih mendalam dan menyeluruh tentang konsep 'kesaksamaan' dan 'perbezaan'.

Bagi mereka, kesaksamaan adalah sesuatu yang boleh dicapai walaupun manusia itu berbeza. Mereka berpandangan bahawa kita memerlukan kesaksamaan sebagai prinsip keadilan dalam masyarakat, undang-undang untuk mengatur hubungan sesama manusia termasuklah hubungan antara gender. Ini kerana setiap manusia mempunyai kemampuan dan peluang yang berbeza untuk mendapatkan sumberdaya sosioekonomi.

Terdapat dua pendekatan utama untuk kesaksamaan gender dalam pemikiran Islam kontemporari:



Pendekatan 'melindungi' bertujuan menjaga perempuan daripada bahaya atau perbuatan salah. Ia berterusan menganggap perempuan seperti anak kecil. Pendekatan

ini juga merendahkan martabat mereka sebagai manusia dan menghalang mereka daripada mencapai potensi penuh dalam ruang sosial dan kerohanian.



Pendekatan 'kesaksamaan' mempersoal pemahaman klasik tentang gender dan mempertahankan kesaksamaan dari semua sudut. Justeru, mereka

menuntut supaya undang-undang dan amalan sedia ada mesti mencerminkan prinsip-prinsip kesaksamaan dan nilai-nilai Islam.

KESAKSAMAAN GENDER DAN KEADILAN: ISTILAH PENTING

Dalam wacana kesaksamaan gender hari ini di peringkat global mahupun nasional, terdapat beberapa istilah yang menjadi fokus dan perselisihan serta perdebatan yang kadangkala menimbulkan salah faham.



1 **EKUITI** adalah satu kerangka yang sama seperti pendekatan melindungi dalam tradisi perundangan Islam. Ia mengangkat peranan serta hak lelaki dan perempuan untuk 'saling melengkap' dalam ruang masyarakat dan keluarga. Secara umum, ekuiti menekankan peranan yang berbeza di antara lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, secara realitinya ekuiti membentuk hubungan yang bersifat hierarki serta menafikan hak dan peluang yang saksama bagi perempuan untuk memenuhi kehendak dan impian mereka.

2 **KESAKSAMAAN FORMAL/RASMI** menganggap bahawa setiap orang sama di sisi undang-undang, tanpa mengambilkira latar belakang, situasi, atau karakter peribadi mereka. Walau bagaimanapun, kesaksamaan formal/rasmi masih tidak memberikan peluang kepada perempuan untuk menikmati hak yang adil seperti lelaki. Ini kerana titik permulaan dan peluang yang mereka dapat amat berbeza dengan lelaki. Perempuan bukan sahaja tidak mendapat akses kepada sumber sosio-ekonomi dan peluang dalam politik seperti lelaki, tetapi mereka juga tidak semuanya sama dan memiliki kehidupan serta latar belakang yang berbeza. Mereka melalui pengalaman ketidakadilan dan diskriminasi undang-undang yang berbeza di antara satu sama lain. Faktor-faktor seperti taraf sosial, umur, etnik dan bangsa adalah antara elemen yang menyebabkan perempuan menjadi terpinggir.


3

KESAKSAMAAN HAKIKI pula sebaliknya mengambil kira faktor-faktor tersebut dan diskriminasi yang dialami oleh perempuan yang selama ini diabaikan oleh kesaksamaan ekuiti dan formal. Kesaksamaan hakiki yang terkandung dalam Konvensyen CEDAW berusaha untuk menangani kelompongan undang-undang yang bersifat neutral (tidak berpihak). Ia menuntut undang-undang dan dasar untuk mengangkat dan menggalak kesaksamaan di antara lelaki dan perempuan supaya adil dari segi peluang, proses, dan hasil. Pendekatan ini boleh dikembangkan menjadi satu pendekatan yang mencapai 'Kesaksamaan Transformatif'. Ia bermaksud adanya perubahan jangka panjang institusi, sistem, dan hubungan kuasa. Ini untuk memastikan agar perempuan mempunyai autoriti untuk membuat keputusan yang penting, dapat berfungsi dengan sepenuhnya dalam keluarga, dihormati, dilindungi dan diangkat martabatnya.

Istilah 'kesaksamaan' dan 'ekuiti' telah dibahasakan ketika Persidangan Beijing pada tahun 1995 lagi. Satu gabungan yang terdiri daripada negara-negara yang majoriti penduduknya adalah Katolik, Muslim konservatif dan juga beberapa NGO telah berhujah agar istilah 'ekuiti' digunakan untuk memberikan seseorang hak berdasarkan keperluannya. Akan tetapi, ada juga gabungan pembangkang daripada beberapa negara dan NGO yang berhujah untuk menggunakan istilah 'kesaksamaan' yang menunjukkan hak yang saksama antara lelaki dan perempuan dari segi peluang dan hasil, undang-undang dan amalannya.

Namun, 'ekuiti' telah digunakan dalam banyak wacana global dan nasional dan dianggap sebagai hak yang saling melengkapi. Oleh kerana itu, diskriminasi berasaskan gender masih lagi berlaku.

Apa yang menarik dalam perdebatan global, istilah-istilah ini tidak dikaitkan dengan jelas melalui konsep 'ekuiti' yang digunakan dalam beberapa tradisi perundangan Barat. Ia memberikan keadilan atau pampasan alternatif kepada individu yang mengadu apabila peruntukan undang-undang yang ada tidak mencukupi.



Pelbagai istilah digunakan dalam perbincangan mengenai kesaksamaan dan keadilan gender di peringkat global dan nasional:



Ekuiti memberikan peranan dan hak gender yang saling melengkapi tetapi tidak saksama. Ini kerana ia menerapkan undang-undang, dasar dan amalan yang mendiskriminasi atas sebab biologi dan gender.



Kesaksamaan formal/rasmi adalah asas kepada peruntukan perlembagaan dan undang-undang yang memperlakukan lelaki dan perempuan secara sama tanpa mengira latar belakang mereka. Walau bagaimanapun, ia gagal untuk mengiktiraf kepincangan sedia ada atau dalam sistem dahulukala yang mendiskriminasi perempuan. Ini menyebabkan perempuan masih terpinggir dalam aspek-aspek tertentu.



Kesaksamaan hakiki dan **kesaksamaan transformatif** Kesaksamaan hakiki dan kesaksamaan transformatif menuntut agar pelaksanaan undang-undang dan dasar supaya lebih prihatin gender bagi membetulkan kepincangan sosial dan sejarah yang selama ini telah memberikan kesan buruk kepada perempuan. Ia juga mempunyai matlamat jangka panjang untuk mengubah sistem institusi dan undang-undang, serta kuasa pentadbiran. Pendekatan ini mengiktiraf perbezaan, melawan diskriminasi, dan menjamin kesaksamaan untuk semua warganegara.

Contoh:

PERANAN PASANGAN



Erina dan Hafiz telah berkahwin selama lapan tahun dan mempunyai

tiga orang anak. Mereka tinggal di sebuah apartmen bersaiz sederhana di sebuah bandar

kecil. Kedua ibu bapa mereka yang sudah berumur dan tinggal berdekatan dengan kediaman mereka. Hafiz merupakan seorang guru yang mengajar di sebuah sekolah di luar bandar berjarak kira-kira 30 minit dari rumahnya dan dibayar dengan gaji yang sederhana. Erina pula

bekerja sebagai seorang jurutera dengan gaji yang tinggi di sebuah firma kejuruteraan tempatan di mana beliau perlu bekerja lebih masa dan kerap berada di luar kawasan.



Mengikut pendekatan kesaksamaan yang dibincangkan sebelum ini, apakah peranan Hafiz dan Erina dalam rumah tangga mereka?

PENDEKATAN PERLINDUNGAN/EKUITI




Walaupun pekerjaan Erina lebih baik dari Hafiz, beliau sepatutnya tidak perlu bekerja hingga lewat malam atau berulang-alik bersendirian ke tempat kerja. Beliau perlu menolak dan memilih pekerjaan lain yang lebih selamat dan tidak mendedahkan dirinya kepada gangguan. Oleh itu beliau akan mempunyai lebih masa untuk menguruskan rumah tangga.



Tidak menjadi masalah buat Hafiz berulang-alik ke tempat kerjanya di luar bandar. Jika gajinya tidak mencukupi beliau perlu bekerja lebih masa atau mencari pekerjaan yang menawarkan gaji yang lebih baik memandangkan beliau bertanggungjawab untuk menanggung dan melindungi keluarganya.

KESAKSAMAAN FORMAL/RASMI



Erina dan Hafiz perlu menyumbang secara samarata untuk kos perbelanjaan dan berkongsi tanggungjawab dalam keluarga. Jika salah seorang daripada mereka tidak dapat menyumbang secara samarata dalam tugas rumah tangga kerana terpaksa bekerja lebih masa, beliau perlu membayar upah kepada pasangannya atau mengupah orang lain untuk melakukan tugas tersebut.

KESAKSAMAAN SUBSTANTIF DAN TRANSFORMATIF



Erina dan Hafiz perlu berbincang tentang peluang pekerjaan dan apa yang terbaik untuk rumah tangga mereka. Mereka perlu membuat keputusan yang memberikan Erina peluang untuk memperolehi gaji yang lebih tinggi dan maju dalam kerjayanya. Hafiz yang suka kepada kanak-kanak dan memilih kerjaya sebagai seorang guru adalah lebih sesuai untuk mengambil peranan menjaga anak-anak mereka. Disamping itu, beliau juga boleh mengajar secara sambilan di sekitar bandar untuk menambah pendapatan mereka.



Sementara itu, firma kejuruteraan perlu membuat dasar berkaitan pengangkutan, keselamatan, masa perjalanan dan tempat penginapan sekiranya pekerja bekerja di luar kawasan. Firma itu perlu memenuhi harapan pekerja tanpa mengira gender untuk mendapat perlindungan daripada sebarang gangguan semasa dalam perjalanan ke pejabat. Kerajaan perlu menyediakan sistem penjagaan anak yang berkesan di seluruh negara dan undang-undang perlu digubal untuk memberikan subsidi bagi penjagaan warga emas di rumah. Pasangan suami isteri seperti Hafiz dan Erina boleh mengambil peluang ini untuk meringankan tanggungjawab dalam menguruskan anak dan menjaga ibu bapa mereka.

MELANGKAH KE HADAPAN

Persoalan kesaksamaan gender dalam Islam memerlukan pemahaman beberapa perkara asas:

Pertama – konsep seperti ‘gender’, ‘kesaksamaan’ dan ‘keadilan’ terhasil dari konstruk sosial. Konsep-konsep ini tidak mutlak tetapi boleh berubah. Konsep-konsep ini sentiasa berkembang dan bertindak balas dengan perubahan sosio-ekonomi, politik, ideologi dan juga pengalaman kehidupan dan harapan masyarakat. Perkara yang sama berlaku dalam tafsiran dan pemahaman teks-teks suci Islam dan hukum-hakam yang dikeluarkan daripada teks-teks ini.

Kedua – tradisi hukum Islam tidak mempunyai satu pendapat yang kekal tentang konsep gender dan hak lelaki dan perempuan. Sebaliknya, tradisi hukum Islam mendokong kepelbagaian idea berdasarkan pandangan teologi, undang-undang, falsafah, dan sosial berkenaan hubungan antara lelaki dan perempuan.

“Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalau orang itu kaya atau miskin maka Allah lebih tahu keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu untuk berbuat tidak adil. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggan (menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

- Surah an-Nisa' 4:135

Ini menunjukkan ada pertentangan antara etika tuntutan kesaksamaan yang merupakan asas penting dalam Islam dengan konteks patriarki yang menjadi budaya pada masa wahyu diturunkan. Konsep gender dan keadilan yang terkandung dalam fekah klasik hanya mengambil kira masa dan konteks ketika itu dan tidak menjangkau realiti kehidupan dan pemahaman tentang keadilan pada masa kini. Oleh itu, menjadi kewajipan kita untuk mengangkat semula prinsip teras kesaksamaan yang ada dalam al-Quran dan menerapkannya ke dalam realiti dan konteks masa kini.

Al-Quran mengangkat martabat, menekankan kesaksamaan serta kemuliaan lelaki dan perempuan secara saksama. (Surah al-Isra 17: 70 ‘Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam’). Pada masa yang sama, ia tidak menafikan perbezaan di antara lelaki dan perempuan (Surah al-Hujurat 49: 13 ‘Sesungguhnya Kami telah

menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan’). Mesej utama teks tertumpu kepada pelbagai faktor dan keperluan untuk mendapatkan keadilan dan kesaksamaan.






Bagi mencapai kesaksamaan, pendekatan hakiki dan transformatif adalah yang paling dekat seperti yang dianjurkan oleh al-Quran dan norma hak asasi manusia. Al-Quran telah menggerakkan satu proses perubahan dalam hubungan sesama manusia, termasuklah hubungan antara gender ke arah keadilan. Sisters in Islam menggunakan prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan yang ada di dalam al-Quran yang mengangkat martabat kemanusiaan yang saksama (*karamah*), dan prinsip-prinsip kebaikan umum (*ma'ruf*). Dalam konteks masa kini, nilai-nilai ini telah diterapkan di dalam konsep dan prinsip kesaksamaan hakiki dan transformatif. Nilai-nilai ini mengangkat keadilan dan kesaksamaan bagi lelaki dan perempuan dari segi peluang dan hubungan kuasa dalam semua aspek kehidupan.

?

Bagaimana kita boleh bekerjasama untuk membina masyarakat Islam yang lebih adil dan saksama?



Sisters in Islam

DITERBITKAN PADA TAHUN 2024
OLEH SIS Forum (Malaysia)

SIS Forum (Malaysia) (266561W)

Reka letak oleh **Notion**.





Alamat: No 4, Lorong 11/8E, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Telefon: +603-7960 3357,
+603-7960 5121, +603-7960 6733
+6012-812 3424 (Telenisa)

Faks: +603-7960 8737

E-mel: sis@sistersinislam.org.my

Laman Sesawang: <https://sistersinislam.org>

 @SistersInIslam
 OFFICIALSIS
 SistersInIslamMYS
 @sistersinislam.my

Isi kandungan ini diterjemah daripada **Musawah Knowledge Building Briefs**, dengan kebenaran daripada pihak Musawah. Musawah adalah gerakan global bagi kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Muslim • www.musawah.org